

23/07/2002

Kempen derma darah seluruh negara dilancar

KUALA LUMPUR, Isnin - Kempen menderma darah akan diadakan di 18 lokasi seluruh negara bermula 25 hingga 27 Julai ini sempena acara One Nation We Care - Sepetang Bersama Perdana Menteri.

Presiden Persatuan Insurans Hayat dan Penasihat Kewangan Kebangsaan Malaysia (Namlifa), Phang Siang Yang, berkata kempen itu diharap dapat mengumpul 300 pain darah di setiap lokasi itu dalam tempoh berkenaan.

Lokasi kempen menderma darah itu termasuk di Leisure Mall, Cheras dan Menara AIA, Jalan Ampang di sini, Menara ING, Klang dan Mahkota Parade, Melaka pada 25 Julai bermula jam 9.30 pagi hingga 5 petang.

Pada 26 Julai pula, kempen itu diadakan di Majlis Perbandaran Seremban, YMCA Ipoh, Hospital Besar Pulau Pinang serta Menara Great Eastern di Jalan Ampang, Menara ING, Jalan Raja Chulan serta Menara Prudential, Jalan Sultal Ismail di sini.

Kempen hari terakhir diadakan di Stadium Negara, Bukit Jalil bermula jam 10 pagi hingga 6 petang serta di Crown Tower, Kuching, Hospital Besar Miri dan Sibul bermula jam 9.30 pagi hingga 5 petang.

"Kempen itu diadakan sejajar seruan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membina sebuah masyarakat penyayang," kata Phang pada sidang akhbar bersama Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng di sini, hari ini.

Sementara itu, Chua berkata, Bank Darah Negara akan membekalkan peralatan dan pegawai perubatan yang mencukupi di 18 lokasi itu bagi memastikan kempen berkenaan berjalan lancar.

Beliau berharap ahli Namlifa dan orang ramai menderma darah bagi menampung kekurangan bekalan di Bank Darah Negara.

Sehingga tahun lalu, katanya, 385,000 pain darah diterima Bank Darah Negara berbanding 244,000 pain darah pada 1995.

Beliau berkata, sehingga tahun lalu juga 165,000 orang mendapat bekalan darah dari bank itu berbanding 107,000 orang pada 1995.

Katanya, Bank Darah bukan saja membekal darah kepada hospital kerajaan, malah kepada hospital swasta di seluruh negara.